

17/04/2002

Kikis mentaliti mahu perkhidmatan baik secara percuma

KEMAJUAN pesat negara dipacu oleh sektor perindustrian dan perdagangan mempercepatkan lagi pertumbuhan dan pembangunan bandar ditambah pula dengan perpindahan penduduk desa ke bandar. Ini sejajar pula peningkatan taraf hidup penduduk yang sekali gus memerlukan pertambahan prasarana sesuai dengan hidup perbandaran. Namun pembinaan dan penyediaan prasarana dan kemudahan bagi mengisi keperluan penduduk itu menuntut peruntukan dan perbelanjaan yang besar. Ini kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, tidak mungkin dapat ditanggung hanya dengan cukai dipungut kerajaan. Sebaliknya penduduk harus bersedia membayar bagi setiap khidmat terbaik disediakan sesuai taraf dan tuntutan hidup masyarakat bandar. Tegasnya menuntut sesuatu secara percuma demi menikmati corak penghidupan lebih selesa dan sempurna, tidak harus menjadi budaya hidup di tengah bandar raya kita.

Setakat ini, hampir segala keperluan hidup moden di bandar disediakan kerajaan seperti lebuh raya, jalan bertingkat, sistem telekomunikasi canggih, khidmat kereta api dan komuter elektrik laju. Ada di antara kemudahan itu dibiayai pembayaran tol dikenakan oleh syarikat pengendali. Namun kini terbukti hasil daripada tol saja masih tidak mampu menanggung beban menyelenggara kemudahan itu. Inilah sebabnya, penduduk mesti sanggup membayar sama ada cukai yang lebih, tol, tiket penumpang atau apa-apa bayaran lain yang semakin meningkat. Jelas bahawa perpindahan ke bandar dan keinginan menikmati keselesaan hidup bertaraf tinggi sesuai dengan dirasai penduduk bandar lain di negara lebih maju, memerlukan kita mengikis mentaliti mahukan segala-galanya dengan percuma atau enggan membayar cukai dan bayaran yang tinggi sesuai kualiti perkhidmatan disediakan.

(END)